MAHATHIR - EMAS
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 26 JULAI (BERNAMA) -- CUEPACS AKAN MENGANUGERAHKAN PINGAT EMAS KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI MENYANJUNGI KHIDMAT CEMERLANG BELIAU KEPADA NEGARA TERUTAMANYA DALAM MENJAGA KEBAJIKAN KAKITANGAN KERAJAAN.

SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS, ENCIK JAMALUDDIN MOHAMED ISA MEMBERITAHU BERNAMA HARI INI BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN PERDANA MENTERI PERTAMA DIBERIKAN PENGHORMATAN ITU OLEH CUEPACS.

KATANYA ANUGERAH TERSEBUT IALAH SEBAGAI MENGIKTIRAF USAHA PERDANA MENTERI YANG TIDAK JEMU-JEMU UNTUK MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK DAN PERPADUAN DI NEGARA INI.

ANUGERAH ITU JUGA MELAMBANGKAN SANJUNGAN KEPADA PERDANA MENTERI YANG BERUSAHA MEMBAWA KEMAJUAN KEPADA NEGARA, TERUTAMA PENTADBIRAN PERKHIDMATAN AWAMNYA.

ENCIK JAMALUDDIN BERKATA BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH BERSETUJU UNTUK MENERIMA PINGAT ITU YANG AKAN DISERAHKAN KEPADA BELIAU SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TIGA TAHUN SEKALI KONGRES ITU PADA HARI KHAMIS.

TIGA ORANG PEGAWAI CUEPACS YANG AKAN BERSARA, TERMASUK PRESIDENNYA ENCIK T. NARENDRAN, JUGA AKAN MENERIMA PINGAT KERANA SUMBANGAN MEREKA KEPADA KONGRES ITU. DUA ORANG LAGI IALAH NAIB PRESIDEN CIK THERESA CHOONG DAN TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG ENCIK ILLIAS WAN CHIK. -- BERNAMA 1410/MB